1102

PUJIAN AL-QUR'AN TERHADAP AHLI KITAB: ANALISIS KONTEKSTUAL

Salman Zainal Abidin
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
salman@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ahli Kitab adalah antara subjek utama dalam dakwah Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam. Oleh yang demikian, terdapat banyak ayat dalam al-Qur'an yang menyentuh secara khusus golongan Ahli Kitab sama ada berkaitan penyaksian kitab-kitab mereka tentang kebenaran risalah nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam, penyelewengan cendikiwan-cendikiwan mereka mahupun tabiat buruk mereka yang menolak kebenaran Islam. Walau bagaimanapun, di samping konotasi negatif terhadap Ahli Kitab, terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang kelihatan memuji mereka bahkan terkadang meletakkan mereka sebagai golongan yang bakal mendapat keselamatan pada Hari Akhirat. Artikel ini akan menghuraikan definisi Ahli Kitab menurut pemahaman karya-karya klasik serta perbahasan para cendikiawan Muslim berkaitan identiti mereka yang sebenarnya, seterusnya mengemukakan analisis terhadap beberapa ayat al-Qur'an yang kelihatan memuji Ahli Kitab. Metode yang akan digunapakai ialah metode analisis dokumen. Sumber primer yang akan digunakan ialah karya-karya cendikiawan Muslim terdahulu yang mengemukakan definisi Ahli Kitab serta karya-karya tafsir yang menghuraikan pemahaman terhadap beberapa ayat al-Qur'an yang memuji Ahli Kitab. Kesimpulan analisis mendapati pujian al-Qur'an terhadap Ahli Kitab adalah tidak bersifat mutlak, tetapi apabila mereka menerima kebenaran yang disampaikan oleh nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wasallam.

Kata kunci: Ahli Kitab, Yahudi, Kristian, konteks

1. PENGENALAN

Istilah *ahl al- Kitab* (أهل الكتاب)[1] atau istilah-istilah yang berkaitan dengannya seperti *Utu al-Kitab* (أوتوا الكتاب), *Utu nasiban min al-*Kitab(أوتوا نصيبا من الكتاب), *Yatlun al-Kitab* (يتلون الكتاب), *Urith al-Kitab* (أورثوا الكتاب) dan *Yaqraun al-Kitab* (يقرؤون الكتاب) adalah sebanyak 78 kali. Kajian melalui *al-Mu'jam al-Mufahris li alfaz al-Hadis* mendapati bahawa tidak kurang dari 40 kali lafaz Ahli Kitab disebut dalam hadis-hadis nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* (Nuruddin 'Adil:73).

Dalam konteks penghujahan al-Qur'an terhadap orang-orang kafir, didapati bahawa al-Qur'an secara umumnya membahagikan orang-orang musyrikin kepada para penyembah berhala dan Ahli Kitab yang menyekutukan Allah dengan nabi Isa sebagaimana perbuatan orang-orang Kristian dan orang-orang Yahudi yang menyekutukan Allah dengan Uzair alayhissalam. Menurut Nuruddin 'Adil (2007), al-Qur'an membezakan antara orang-orang musyrikin ialah kerana Ahli Kitab secara umumnya beriman kepada asas agama mereka berkaitan tauhid, kenabian, wahyu, Hari Akhirat, pembalasan dosa dan pahala. Keadaan mereka ini sudah tentunya berbeza dengan keadaan para penyembah berhala. Para rahib dan pendeta Ahli Kitab juga mengetahui perutusan nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* sebagai nabi terakhir yang diutuskan untuk umat manusia secara keseluruhannya (Ibid: 81).

Demikian juga keadaanya dengan sembelihan Ahli Kitab, di mana umat Islam boleh memakan sembelihan Ahli Kitab dengan syarat mereka menyebut nama Allah sebelum sesuatu sembelihan dilakukan. Para lelaki Muslim juga boleh menikahi perempuan-perempuan Ahli Kitab yang baik tanpa perlu mereka memeluk agama Islam terlebih dahulu. (al-Maidah:5). Kedua-dua perkara ini tidak boleh berlaku kepada penganut agama lain selain Ahli Kitab.

[1] Selepas ini akan digunakan 'Ahli Kitab' memandangkan istilah tersebut diterima dalam persuratan Melayu.

PERBINCANGAN DEFINISI AHLI KITAB DI KALANGAN CENDIKIAWAN MUSLIM

Para cendikiawan Muslim berbeza padangan dalam menentukan siapakah Ahli Kitab yang disebutkan dalam al-Qur'an dan hadis. Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa Ahli Kitab secara khususnya ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian sebagaimana majoriti dalam mazhab Shafie dan Hanbali. Adapun cendikiawan Muslim dalam mazhab Hanafi mengatakan bahawa Ahli Kitab ialah setiap orang yang menganut agama Samawi dan mempunyai kitab yang diwahyukan seperti suhuf Ibrahim, Syith, dan kitab Zabur yang diwahyukan kepada Daud '*alayhimussalam*. Mereka ini dianggap sebagai ahli kitab yang halal dinikahi perempuan-perempuan mereka dan diharuskan memakan sembelihan-sembelihan mereka (Umar Wafiq al-Da'uq: 9-10).

Imam al-Shafie (2001) mengemukakan definisi yang lebih sempit berkaitan Ahli Kitab di mana beliau meletakkan syarat seseorang boleh dianggap sebagai Ahli Kitab tidak hanya memadai dengan menganut agama Yahudi atau Kristian, tetapi juga mestilah dari keturunan Bani Israel. Oleh yang demikian, sesiapa sahaja dari kalangan bangsa Arab yang menganut agama Yahudi atau agama Kristian tidak boleh dianggap sebagai Ahli Kitab kerana asal bangsa Arab adalah beragama *Hanif* sebelum mereka menjadi penyembah berhala. Demikian juga bangsa *'Ajam* yang menganut agama Yahudi dan Kristian, mereka juga tidak dianggap Ahli Kitab (al-Shafie, 6: 17).

Tokoh teologi Islam seperti al-Shahrastani (1968) tidak hanya terhenti kepada perbincangan Ahli Kitab yang dirujuk kepada penganut agama yang diturunkan Taurat dan Injil tetapi juga membincangkan penganut agama yang pada asalnya mempunyai kitab suci seperti agama Majusi dan agama Maani. Golongan ini dinamakan sebagai *Shibh ahl al-Kitab*. Beliau menyatakan bahawa suhuf yang diturunkan Allah kepada nabi Ibrahim telah diangkat ke langit disebabkan perbuatan orang-orang Majusi. Oleh yang demikian, harus berinteraksi dengan mereka sebagaimana berinteraksi dengan orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian. Walaubagaimana pun, menurut al-Sharastani, tidak boleh dinikahi perempuan-perempuan mereka dan juga tidak dihalalkan memakan sembelihan mereka (al-Shahrastani, 2:13).

Ibnu Baz, Mantan Mufti Arab Saudi ketika ditanya berkaitan siapakah Ahli Kitab menjelaskan bahawa golongan yang dimaksudkan oleh al-Qur'an tu ialah orang-orang Yahudi dan Kristian kerana Allah telah menurunkan kepada mereka dua buah kitab, iaitu Taurat kepada Musa *alayhissalam* dan Injil kepada Isa *alayhissalam.* Dengan sebab itu, mereka dinamakan Ahli Kitab yang tidak sama kedudukan mereka dengan orang-orang Musyrikin yang lain sekalipun mereka juga termasuk di kalangan orang yang kafir. Ini adalah kerana umat Islam dibenarkan memakan sembelihan mereka dan menikahi perempuan-perempuan mereka. Adapun orang-orag musyrik lain, umat Islam tidak dibenarkan memakan sembelihan mereka dan menikahi perempuan-perempuan mereka. Selain dari itu, Ahli Kitab juga membayar jizyah kepada pemerintah Islam sebagaimana juga jizayah dibayar oleh penganut agama majusi (http://www.binbaz.org.sa/noor/1694 pada 9 Julai 2017).

Dalam *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* yang diterbitkan oleh Kementerian Wakaf dan Pentadbiran Islam Kuwait, dinyatakan bahawa majoriti para fuqaha menetapkan bahawa Ahli Kitab ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian yang terdiri dari pelbagai mazhab dan aliran. Manakala ulama-ulama dalam mazhab Hanafi pula telah meluaskan cakupan Ahli Kitab kepada setiap orang yang beriman dengan nabi dan memperakui sebuah kitab, termasuklah dari kalangan orang-orang Yahudi dan Kristian dan orang-orang yang

beriman dengan kitab Zabur nabi Daud, suhuf nabi Ibrahim dan Shith *'alayhimussalam*. Ini adalah kerana, mereka beriktikad dengan agama samawi yang diturunkan bersamanya kitab.

Adapun orang-orang Majusi, para fuqaha' telah bersepakat bahawa mereka bukan ahli kitab, sekalipun mereka juga membayar jizyah kepada pemerintah Islam (al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah, 7:140).

Kesimpulannya, menurut Nuruddin 'Adil, Ahli Kitab itu ialah, secara umumnya orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian dengan pelbagai mazhab yang berbeza, dan juga mereka yang beragama dengan agama mereka. Setiap kumpulan atau aliran yang betepatan amalannya dengan usul syariat nabi Musa dan nabi Isa boleh dikategorikan sebagai Ahli Kitab (Nuruddin 'Adil: 92-93).

ANALISIS TERHADAP PUJIAN AL-QUR'AN KEPADA AHLI KITAB

Terdapat beberapa tempat di dalam al – Qur'an di mana Allah telah memuji Ahli Kitab sama ada dengan memperakui ganjaran pahala yang bakal diperolehi di Hari Akhirat, memperakui keimanan mereka kepada Allah dan mengiktiraf sifat-sifat baik yang ada pada diri mereka.

1.Perakuan al-Qur'an berkaitan ganjaran pahala untuk Ahli Kitab

Allah *subhanahu wata'ala* menjelaskan dalam surah al-Baqarah, ayat 62 bahawa Ahli Kitab dari kalangan orang-orang Yahudi dan Kristian akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah pada hari akhirat:



Sesungguhnya oranng-orang yang beriman dan orang-orang yang jadi Yahudi, dan Nasrani, dan oranng-orang Shabi'in, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian dan beramal yang shalih, maka untuk mereka adalah ganjaran di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada ketakutan atas mereka dan tidaklah mereka akan berdukacita. (al-Baqarah: 62)

Tinjauan secara zahir ayat ini menggambarkan penganut agama lain, terutamanya Ahli Kitab akan mendapat ganjaran pahala dan jaminan keselamatan di Hari Akhirat. Walaubagaimana pun, jika ditinjau pandangan-pandangan para ulama' yang muktabar tentang penafsiran ayat ini, tiada seorang pun di kalangan mereka yang menyatakan ayat ini menjadi bukti kepada keabsahan agama lain selain agama Islam di sisi Allah. Ibnu Kathir (2000) menegaskan pandangannya berdasarkan kenyataan Ibnu Abbas yang menafsirkan ayat ini iaitu, setiap orang tidak akan diterima segala amalannya melainkan apa yang bertepatan dengan syariat nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* setelah baginda diutuskan. Adapun golongan manusia yang lahir sebelum kelahiran baginda, keselamatan mereka adalah apabila mereka berpegang kepada ajaran nabi mereka masing-masing (Ibnu Kathir, 2000: 141). Demikian juga al-Qurtubi (2006) telah menghuraikan definisi setiap golongan yang disebutkan dalam ayat tersebut dan beliau telah membuat dua kesimpulan penting sebagai penutup kepada penafsiran ayat ini, iaitu ayat ini telah dimansuhkan dengan ayat 85 surah ali-Imran ataupun pun seandainya ayat ini tidak dimansuhkan, pemaknaan beriman golongan ini adalah, keimanan mereka kepada nabi-nabi yang diutuskan kepada mereka (al-Qurtubi, 2: 123).

Tambahan pula, terdapat hadis yang begitu jelas menegaskan bahawa seseorang yang mengetahui tentang perutusan nabi Muhammad sallallahu alayhiwasallam, tetapi tidak mengikutinya akan dimasukkan dalam neraka. Contohnya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dalam Sahih Muslim yang berbunyi:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ يَهُودِيٌّ وَلَا نَصْرَانِيٌّ ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ

Demi yang jiwaku ditanganNya, tidak seorang pun yang mendengar tentang diriku daripada kalangan umat ini sama ada dia beragama Yahudi, atau beragama Kristian, kemudian dia mati dalam keadaan tidak beriman kepada apa yang aku diutuskan, melainkan dia adalah dari kalangan penghuni neraka.

2.Perakuan al-Qur'an terhadap sifat-sifat terpuji Ahli Kitab

Al-Qur'an menjelaskan bahawa tidak semua Ahli Kitab itu bersifat sombong dan menentang dakwah baginda. Bahkan sebalinya terdapat di kalangan mereka yang beribadah pada malam hari, serta bersegera kepada perkara kebaikan. Perkara ini dijelaskan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam ayat 113-114 surah Ali 'Imran:



Tidaklah mereka itu sama. Antara ahlul-kitab itu ada yang lurus; mereka baca ayat-ayat Allah di tengah malam dan merekapun merendah diri. Mereka pun percaya kepada Allah dan hari kemudian, dan merekapun menyuruh berbuat yang ma'ruf, baik dan melarang perbuatan yang munkar dan merekapun berlomba-lomba di dalam kebaikan. Mereka itu adalah golongan orang-orang shalih (Ali Imran: 113-114)

Ibnu Kathir (2000) menjelaskan bahawa yang paling masyhur dalam kalangan ahli tafsir berkaitan ayat ini ialah turunnya kepada para rahib dan pendeta Yahudi yang beriman kepada Rasulullah seperti Abdullah bin Salam, Asad bin Ubaid, Tha'labah bin Sa'yah, Asidd bin Sa'yah dan selain mereka. Menurut Ibnu Kathir lagi bahawa ayat ini memberi pengertian bahawa adalah tidak sama Ahli-ahli Kitab yang dikeji pada ayat-ayat sebelum ini dengan Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam. Oleh yang demikian, Allah telah mengungkapkan dengan; *laisu sawa'a,* iaitu tidak semua Ahli Kitab itu berada pada kedudukan yang sama. Bahkan terdapat sebahagian mereka beriman dan sebahagian yang lain pula adalah pendosa. Disebabkan itulah Allah telah mengungkapkan dengan, *min ahlil kitab ummatun qa'imatun* iaitu, menegakkan agama Allah, mentaati nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam* mendirikan solat pada waktu malam dan membanyakkan membaca al-Qur'an (Ibnu Kathir:393-393).

Berkaitan konteks khusus ayat ini diturunkan, al-Qurtubi (2006) menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan setelah beberapa orang tokoh Yahudi masuk Islam iaitu Abdullah bin Salam, Tha'labah bin Sa'yah, Asid bin Sa'yah, Asid bin 'Ubayd dan beberapa orang yang lain. Lalu berkata pendeta-pendeta Yahudi yang masih kekal dalam agama mereka bahawa kesemua yang beriman dengan agama Muhammad itu adalah orang-orang

yang jahat di kalangan orang-orang Yahudi. Mereka juga mendakwa bahawa seandainya golongan yang Islam itu adalah golongan yang terpilih dari kalangan Yahudi, nescaya mereka tidak akan mengikuti agama Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*. Setelah itu, Allah telah menurunkan ayat-ayat yang memuji golongan Ahli Kitab yang memeluk Islam serta menyebutkan sifat-sifat baik yang ada pada mereka dan di penghujung ayat mereka diiktiraf sebagai, " *mereka itu termasuk dalam kalangan orang-orang yang saleh"*(al-Qurtubi, 5: 267).

3.Perakuan al-Qur'an bahawa Ahli Kitab beriman kepada Allah

Terdapat di dalam al-Qur'an perakuan bahawa sebahagian Ahli Kitab beriman kepada Allah serta kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam ayat 199 Surah Ali Imran:



Sesungguhnya sebagian dari Ahlul-Kitab, ada (juga) yang beriman kepada Allah dan (kepada) yang diturunkan kepada kamu dan yang diturunkan kepada mereka. Dalam keadaan khusyu' kepada Allah, tidak mereka jual ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit. Mereka itu beroleh ganjaran di sisi Tuhan. Sesungguhnya Allah cepat sekali perkiraanNya. (Ali Imran:199).

Secara zahirnya ayat ini menunjukkan perakuan al-Qur'an tentang keimanan Ahli Kitab tanpa merujuk secara khusus sama ada mereka memeluk agama Islam ataupun tetap kekal dalam agama mereka. Walauagaimana pun, menurut al-Qurtubi (2006), konteks ayat ini hanya kepada Ahli Kitab yang beriman kepada Allah. Beliau menukilkan sebab turunnya ayat ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah, Anas bin Malik dan Ibnu Abbas bahawa bahawa ayat ini diturunkan kepada al-Najashi. Jibril telah mengkhabarkan kepada Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam* bahawa al-Najashi telah wafat. Lalu baginda *sallallahu 'alayhiwasallam* memerintahkan para sahabat untuk menunaikan solat jenazah ghaib. Sebahagian para sahabat berkata; Rasulullah *sallallahu 'alayhiwasallam* telah memerintahkan kami untuk bersolat kepada orang kafir dikalangan orang-orang Habshah. Setelah itu turun ayat ini yang menegaskan bahawa al-Najashi adalah seorang yang beriman kepada Allah, serta kitab al-Qur'an yang diturunkan kepada nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam* (al-Qurtubi, 5:483).

Kekhususan ayat ini juga dinyatakan oleh Ibnu Kathir (2000) bahawa ayat ini adalah khusus kepada Ahli Kitab yang beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya, serta mereka juga beriman kepada al-Qur'an yang diturunkan kepada nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*, selain beriman kepada kitab-kitab terdahulu yang diturunkan kepada mereka. Allah *subhanahu wata'ala* juga memuji mereka dengan menyatakan sifat-sifat yang ada pada mereka iaitu sentiasa tunduk dan khusyu' di hadapan Allah, tidak menyembunyikan perkhabaran tentang kerasulan nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam* yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka. Mereka ini menurut Ibu Kathir adalah golongan Ahli Kitab yang terpilih. Sifat-sifat seperti ini menurut Ibnu Kathir terdapat hanya kepada segelintir orang-orang Yahudi, tidak sampai sepuluh orang yang beriman kepada nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam*, akan tetapi banyak terdapat kepada

Ahli Kitab di kalangan orang-orang Kristian, salah seorannya adalah al-Najashi (Ibnu Kathir: 434).

Sayyid Qutub (2004) ketika memberikan komentar terhadap ayat ini menyatakan bahawa golongan Ahli Kitab seperti ini digambarkan dalam ayat-ayat al-Qur'an yang menyebutkan pendirian mereka yang beriman kepada Allah, serta tidak membeza-bezakan keimanan mereka kepada Allah dan kepada nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam*. Mereka juga beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka yang terdahulu, serta juga beriman kepada al-Qur'an yang diturunkan. Mereka ini disifatkan oleh Sayyid Qutub sebagai golongan yang *"..melalui jalan dan sampai kepada penghujung.."* (Sayyid Qutub: 551).

PENUTUP

Pemahaman terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang memuji Ahli Kitab seharusnya dilihat menurut konteks yang benar. Seseorang pengkaji tidak boleh berpada dengan makna ayat secara zahir, sebaliknya perlu melihat kepada sebab nuzul sesuatu ayat diturunkan.

Analisis terhadap pujian al-Qur'an kepada Ahli Kitab mendapati bahawa pujian-pujian tersebut tidak bersifat mutlak, sebaliknya disebabkan mereka beriman kepada risalah nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam.* Oleh yang demikian, mana-mana Ahli Kitab yang masih kekal dalam agama mereka, sama ada Yahudi atau Kristian tidak termasuk dalam mereka yang dipuji oleh al-Qur'an. Analisis yang dilakukan terhadap ayat-ayat pujian itu juga menjelaskan bahawa jaminan keselamatan di Hari Akhirat hanya terhadap orang-orang yang beriman kepada Allah dengan cara memperakui dan mengikuti ajaran nabi Muhammad *sallallahu 'alayhiwasallam.*

Justeru, apa sahaja doktrin, idea atau pandangan cendikiawan Muslim yang memperakui kebenaran agama lain sebagai salah satu bentuk pengabdian kepada Tuhan yang sah adalah doktrin songsang dan wajib ditolak kerana bertentangan dengan akidah ahli Sunnah wa al-Jamaah.

RUJUKAN

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. 2006. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Muassalah al-Risalah.

Al-Shafie, Muhammad bin Idris .2001. *Al-Umm*.Mansurah: Dar al-Wafa' Li al-Tiba'ah wa al-Tauzi'

Al-Shahrastani. 1968. *Al-Milal wa al-Nihal*. Kaherah: Muassasah al-Halabi

Hamka. 2012. *Tafsir al-Azhar*.Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar . 2000. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.

Nuruddin 'Adil, Achmad Yaman. 2007. *Mujadalah ahl al-Kitab fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah.* Riyadh: maktabah al-Rushd.

Sayyid Qutub. 2004. *Fi Zilal al-Qur'an.* Kaherah: Dar al-Shuruq..

Umar Wafiq al-Da'uq. 1998. *Mu'minu ahl al-Kitab wa Makanatihim fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

http://www.binbaz.org.sa/noor/1694 pada 9 Julai 2017